



JENTOLAK mengorek pasir di Sungai Temiang dalam Program Pembersihan Sungai Temiang bagi mengindahkan bandar Seremban.

Sungai Temiang bukan lagi 'tong sampah'

Oleh NADZARUL AMIR ZAINAL AZAM
amir@kosmo.com.my

SEREMBAN - Bagi memastikan Sungai Temiang di sini tidak terus menjadi seperti 'tong sampah', Majlis Perbandaran Seremban (MPS) dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Sembilan akan membersihkan sungai berkenaan.

Program Pembersihan Sungai Temiang itu terpaksa dilakukan kerana ia merupakan latar bandar Seremban, sekali gus memastikan matlamat menjadikan bandar ini bersih, kemas dan selesai didiami tercapai.

Yang Dipertua MPS, Abd. Halim Abd. Latif berkata, proses pembersihan se-

malam meliputi kerja-kerja pembersihan sungai daripada sampah-sarap dan pasir.

"Kami juga membersihkan tebing dan semak-samun di tembok-tembok bagi memastikan keindahan sungai ini terpelihara," katanya ketika mengadakan sidang akhbar di sini semalam.

Menurut beliau, program pembersihan sungai itu tidak hanya berakhir semalam, tetapi diteruskan sepanjang masa iaitu dua kali sebulan.

Dalam pada itu, Abd. Halim memberitahu, notis tidak membenarkan aktiviti penyembelihan ayam, menyimpan ayam hidup dan bakul-bakul ayam di kawasan Pasar Besar Seremban telah dikeluarkan pada 10 Mac lalu dan akan berkuat kuasa

pada 1 September ini.

Kata beliau, ia bertujuan memastikan tiada sisa buangan daripada aktiviti tersebut disalurkan ke dalam sungai.

Selain itu, kerja-kerja baik pulih tandas awam berhampiran Sungai Temiang juga akan dilaksanakan termasuk penyelenggaraan semula tangki septik yang telah usang.

Abd. Halim menambah, untuk memastikan sungai berkenaan terus terjaga, penguatkuasaan secara berjadual akan dilaksanakan bagi memastikan orang ramai mematuhi peraturan agar tidak membuang sampah.

Kata beliau, sesiapa yang didapati membuang sampah ke dalam sungai akan didenda RM500.